

Kajian Keberkesanan Sistem Penilaian Akhir Latihan Kemahiran Pusat Bertauliah (PB) di Bawah Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) dalam Program Automotif dan Elektrik Berdasarkan kepada Laporan Verifikasi Pegawai Pengesah Luaran (PPL)

2014

Abstrak

Bagi memastikan nilai tahap dan kemahiran dan pengetahuan seseorang bersesuaian dengan keperluan permintaan dalam pasaran buruh, aspek jaminan kualiti dititikberatkan bagi memastikan pelatih keluaran Pusat Bertauliah (PB) memenuhi keperluan pelanggan yang mempunyai ciri-ciri kompeten, berpengetahuan dan berdaya saing serta nilai insaniah yang tinggi. Oleh yang demikian, penilaian yang dilakukan dengan pelbagai kaedah yang sesuai dapat menilai keterampilan seseorang calon seperti yang dikehendaki. Namun, kajian lepas mendapati pemegang SKM tidak mempunyai kualiti yang boleh memenuhi keperluan pihak industri dan berada ditahap memuaskan sahaja. Oleh itu kajian ini perlu dilaksanakan bagi melihat keberkesanan pelaksanaan sistem penilaian akhir yang memberi impak kepada kekompetensi pemegang SKM yang dilatih. Ini secara tidak langsung dapat memperbetulkan persepsi luar bahawa pemegang SKM yang dihasilkan memenuhi keperluan industri dan berada di tahap yang baik. Dalam kajian ini terdapat dua(2) perkara utama yang menjadi tumpuan iaitu, mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi keberkesanan pelaksanaan sistem penilaian akhir dalam program automotif dan elektrik di PB, JPK. Kedua, mencadangkan penambahbaikan pelaksanaan sistem penilaian akhir dalam program automotif dan elektrik di PB, JPK. Kaedah persampelan iaitu *convienced sampling* untuk data kualitatif dibuat mengikut jumlah PB yang terlibat dalam menjalankan program latihan dalam program automotif dan elektrik. Sebanyak 44 laporan verifikasi PPL dalam program tersebut telah diterima daripada 20 PB yang menjalankan program 'Juruteknik Automotif' dan 'Juruteknik Kenderaan Bermotor' yang mewakili program automotif dan sebanyak 43 laporan verifikasi PPL telah diterima daripada 29 PB yang menjalankan program 'Juruteknik Elektrik' yang mewakili program elektrik. Data diperolehi daripada laporan verifikasi PPL berakhir pada tahun 2013 dan awal tahun 2014. Dalam kajian ini, responden adalah terdiri daripada PPL yang telah dilantik oleh JPK bagi menilai dalam program latihan di PB, JPK.

Hasil dapatan menunjukkan terdapat tujuh (7) faktor yang mempengaruhi sistem penilaian akhir yang dilaksanakan di PB iaitu, i) kertas peperiksaan, ii) Persekitaran Peperiksaan, iii) pengawasan semasa peperiksaan, iv) penandaan kertas peperiksaan; v) komen keseluruhan terhadap sistem peperiksaan yang dijalankan, vi) personel, dan vii) kehadiran calon adalah mengikut mengikut garis panduan yang telah ditetapkan oleh JPK. Walaubagaimanapun, di dalam FGD yang dijalankan, responden menyatakan masih terdapat minoriti PB yang tidak melaksanakan sistem penilaian akhir mengikut garis panduan yang ditetapkan. Oleh itu beberapa cadangan penambahbaikan telah dicadangkan bagi memastikan PB mengikut peraturan yang ditetapkan di dalam garis panduan iaitu dengan mengadakan pemantauan secara berterusan, menambahbaik kertas peperiksaan, dan meningkatkan kolaborasi dengan industri.